

27 MAR 2002

Chong-Kalabakan/I

SABAH AKAN HANTAR WAKIL KE CHINA BINCANG CADANGAN PROJEK PULPA

KOTA KINABALU, 27 Mac (Bernama) -- Kerajaan Negeri Sabah akan menghantar delegasi khas ke China pada akhir April ini bagi berunding mengenai cadangan projek usahasama kilang kertas dan pulpa berharga RM4.56 bilion di Kalabakan, Tawau.

Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat berkata beliau telah mengarahkan Pengarah Yayasan Sabah Tan Sri Khalil Datu Jamalul dan wakil anak syarikat pelaburan yayasan itu- Innoprise Corporation Sdn Bhd untuk membincangkan perkara itu dengan pihak berkuasa relevan di China.

"Mereka (delegasi Sabah) akan berbincang dengan rakan sejawatan mereka untuk kali terakhir...kita mahu tahu sama ada China mahu meneruskan usahasama itu atau sebaliknya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet di Wisma Innoprise, di sini hari ini.

Chong berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terbaru kedudukan perkara itu berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa cadangan projek usahasama itu mungkin dipindahkan ke negeri lain kerana China tidak bersetuju dengan syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Chong berkata kerajaan negeri juga telah meminta Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik untuk mengetuai delegasi cadangan mesyuarat itu di China.

"Adalah sesuai untuk mempunyai menteri kanan kerana ia mempunyai implikasi persekutuan kerana ia adalah sebuah projek mega...kita mahu dengar penjelasan pihak China mengenai perkara ini," katanya.

Ditanya mengenai syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, beliau berkata: " Bagi pihak kita kita tetapkan syarat, pelbagai jenis syarat".

Beliau berkata ia termasuk pembahagian ekuiti, pengurusan sistem eko, pertimbangan alam sekitar, pengurusan dan kawalan.

Dalam perkembangan lain, Chong berkata Kabinet telah bersetuju untuk mengguna pakai Surat Akujanj Persekutuan dalam pentadbiran negeri.

Katanya para menteri dan pembantu menteri akan menandatangani surat akujanji itu pada minggu depan dan diikuti kakitangan kerajaan negeri.

Sementara itu, Chong turut mengumumkan pelantikan Mohamad Bazain Idris, 52, sebagai Peguam Besar Negeri.

Katanya, pelantikan Mohamad Bazain yang kini memegang jawatan Ketua Cawangan Jabatan Peguam Negara Wilayah Persekutuan adalah untuk tempoh dua tahun berkuatkuasa 2 April ini.

"Dengan pelantikan beliau (Mohamad Bazain), kita berharap kerja tertunggak dan hal-hal lain akan dapat diselesaikan dengan segera. Ini kerana sudah dua tahun kita tidak ada Peguam Besar Negeri," katanya.

-- BERNAMA

NT RHM